

<b>Headline</b>	<b>Puspakom tanam pokok pulihara alam sekitar</b>		
<b>MediaTitle</b>	<b>Sinar Harian</b>		
<b>Date</b>	<b>20 Feb 2012</b>	<b>Color</b>	<b>Full Color</b>
<b>Section</b>	<b>Nasional</b>	<b>Circulation</b>	<b>60,000</b>
<b>Page No</b>	<b>39</b>	<b>Readership</b>	<b>180,000</b>
<b>Language</b>	<b>Malay</b>	<b>ArticleSize</b>	<b>304 cm<sup>2</sup></b>
<b>Journalist</b>	<b>N/A</b>	<b>AdValue</b>	<b>RM 1,672</b>
<b>Frequency</b>	<b>Daily</b>	<b>PR Value</b>	<b>RM 5,016</b>



Berkongsi kegembiraan kalangan warga Puspakom selepas menjayakan kempen hijau.

# Puspakom tanam pokok pulihara alam sekitar

**SHAH ALAM** - Puspakom Sdn Bhd mengambil inisiatif tanggungjawab sosial korporat pemuliharaan alam sekitar dengan mengadakan program penanaman pokok, baru-baru ini.

Aktiviti tersebut adalah antara pelbagai program pemuliharaan alam sekitar yang bakal dianjurkan Puspakom. Ini dijayakan kakitangan Ibu Pejabat dan Cawangan Puspakom di Selangor dan Wilayah Persekutuan.

Kakitangan Puspakom menanam 50 pokok Cengal (*neobalanocarpus heimi*) di Taman Botanical Kepong. Pokok Cengal adalah antara spesies pokok yang kian pupus di negara ini akibat pembalakan. Namun ia masih boleh didapati di kawasan hutan simpanan dan eksport ke luar negara.

Ketua Pegawai Eksekutif Puspakom, Hisham Othman berkata program sebegini akan meningkatkan tahap kesedaran mengenai pentingnya memulihara alam sekitar.

"Selain merapatkan silaturahim antara kakitangan Puspakom, program ini juga berperanan memberi peluang kepada warganya untuk turut sama memainkan peranan mereka untuk memulihara alam sekitar untuk generasi akan datang."

Pada majlis yang sama, Puspakom menyumbang RM20,000 kepada Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (Frim) untuk tujuan penyelidikan.



Hisham (kanan) mengetuai aktiviti penanaman pokok.